

NO. SOALAN:12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 17 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7216

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa pihak Kerajaan tidak melanjutkan Pas Lawatan Nguyen Thi Tuyen (No. Pasport Vietnam B8507915) apabila Pejabat Imigresen Manjung, Perak mendapati beliau adalah mangsa ejen yang memalsukan lanjutan pas lawatannya. Kenapa beliau ditahan di kem tahanan Langkap dan dihantar balik ke Vietnam dan kenapa pihak imigresen tidak bertindak menangkap ejen tersebut apabila ditunjukkan oleh pengadu ejen tersebut masih menjalankan perniagaan melanjutkan pas lawatan secara salah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, warganegara Vietnam yang terlibat telah mempunyai endosmen palsu dalam pasportnya. Jabatan Imigresen telah bertindak untuk menyiasat kewujudan agen haram yang dikatakan memberikan endosmen palsu tersebut. Namun, maklumat yang diberi adalah kurang tepat dan berlakunya “*miscommunication*” di antara teman lelaki kepada wanita tersebut mengakibatkan pihak Imigresen tidak dapat mengesan agen tersebut.